

PROSPEK KERJAYA

Pegawai Dietetik terlibat dalam pelbagai bidang seperti kesihatan (hospital), industri, kesihatan masyarakat, pendidikan, penyelidikan, perkhidmatan makanan (katering) dan sektor swasta. Kerjaya gr Program Dietetik lazimnya bermula di tempat-tempat seperti berikut:-

- ❖ Pegawai Dietetik di hospital kerajaan dan swasta dengan peluang pengkhususan dalam bidang seperti Renal, Pediatrik, Diabetes, Penyakit Kardiovaskular & Pemakanan Sokongan;
- ❖ Pusat Perkhidmatan Kesihatan Komuniti iaitu merancang diet kumpulan tertentu seperti di Rumah Warga tua & Rehabilitasi;
- ❖ Industri Makanan;
- ❖ Tenaga Pengajar akademik di IPT Awam & Swasta;
- ❖ Pakar Dietetik bekerja bebas (Freelance Dietitian).



UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI

**Ketua
Program Dietetik
Pusat Pengajian Sains Jagaan Kesihatan
Fakulti Sains Kesihatan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Jalan Raja Muda Abdul Aziz
50300 Kuala Lumpur
Tel : +603-9289 7511/8035
Faks : +603-2694 7621
Web : www.fsk.ukm.my**



BROSUR PROGRAM DIETETIK



**PROGRAM DIETETIK
PUSAT PENGAJIAN SAINS JAGUAN KESIHATAN
FAKULTI SAINS KESIHATAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

PENGENALAN

Universiti Kebangsaan Malaysia merupakan universiti terulung yang menawarkan Ijazah Sarjanamuda Dietetik (Kepujian) di Malaysia dan telah melahirkan Pakar Dietetik yang berkaliber sejak awal tahun 80an. Dietetik merujuk kepada aplikasi terapi pemakanan mengikut status kesihatan individu atau kumpulan.

Kurikulum dietetik direka dengan kursus asas seperti biokimia, anatomi, fisiologi, imunologi, farmakologi, mikrobiologi dan kursus berkaitan dengan bidang dietetik perkhidmatan



makanan, terapi pemakanan perubatan, perkhidmatan dietetik komuniti, penyelidikan dietetik, perkhidmatan dietetik luar dan dalam wad supaya dapat menyediakan latarbelakang sains untuk memahami konsep dalam makanan, pemakanan dan dietetik.

OBJEKTIF

- Menyediakan graduan berdaya saing, mampu mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang dietetik dan boleh bekerjasama dengan ahli kesihatan profesional lain;
- Menyediakan persekitaran yang menerapkan komitmen kepada aspek klinikal, komuniti dan perkhidmatan makanan di kalangan bakal graduan.

IJAZAH YANG DITAWARKAN

Sarjanamuda Dietetik dengan Kepujian

JANGKAMASA PENGAJIAN

4 Tahun (8 Semester)

SYARAT KEMASUKAN

Syarat Am Universiti

Lulus SPM/setaraf dengan mendapat Kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia atau Kepujian Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia Kertas Julai.

Lepasan STPM

Mendapat sekurang-kurangnya Gred B (PNGK 3.00) pada peringkat STPM dalam mata pelajaran berikut:

- Biologi
- Kimia
- Matematik

ATAU

Lepasan Matrikulasi KPM/Asasi

Mendapat sekurang-kurangnya Gred B (PNGK 3.00) pada peringkat Matrikulasi KPM/Asasi Sains dalam mata pelajaran berikut:

- Biologi
- Kimia
- Matematik

ATAU

Lepasan Diploma

Memiliki Diploma Sains atau Sains Kesihatan dari Institusi Pendidikan yang diiktiraf oleh Universiti dan Kerajaan Malaysia atau Kolej Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.00; dan

Calon dikehendaki mengemukakan transkrip akademik dari Semester 1 hingga Semester akhir.

KURSUS-KURSUS TERAS

Kursus yang ditawarkan oleh Program Dietetik meliputi bidang:-

- Pemakanan & Kesihatan
- Fisiologi Manusia
- Anatomi
- Biokimia Metabolisme
- Epidemiologi
- Asas Sains Makanan
- Prinsip Penyediaan Makanan
- Genetik & Pemakanan
- Mikrobiologi & Keselamatan Makanan
- Biostatistik
- Penilaian Status Pemakanan
- Analisis Komposisi Makanan
- Pemakanan Sepanjang Hayat
- Asas Terapi Pemakanan Perubatan
- Biokimia Klinikal
- Pemakanan & Metabolisme
- Pengurusan Katering
- Kaunseling
- Komunikasi Sainifik
- Penyediaan Diet Terapeutik
- Pendidikan Pesakit
- Tajuk Khas Perubatan
- Kepaniteraan Perkhidmatan Makanan
- Penyelidikan Dietetik
- Perkhidmatan Dietetik Komuniti
- Amalan Profesional Dietetik
- Seminar Dietetik
- Perkhidmatan Dietetik Dalam Wad
- Perkhidmatan Dietetik Pesakit Luar
- Perkhidmatan Dietetik Unit Khas

